




INSTITUT AMINUDDIN BAKI

NATIONAL INSTITUTE OF EDUCATIONAL MANAGEMENT AND LEADERSHIP



**Kementerian
Pendidikan
Malaysia**

Institut Aminuddin Baki





Diterbitkan oleh:

Institut Aminuddin Baki
Kompleks Pendidikan Nilai
71760 BANDAR ENSTEK
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel: 06-7979200
Faks: 06-7979300
Portal: <http://iab.moe.edu.my>
e-mel: iab@iab.edu.my

Urusan Penerbitan Oleh:

Jabatan Penerbitan dan Dokumentasi
Pusat Dokumentasi dan Sumber Pendidikan

©Hak Cipta Institut Aminuddin Baki 2018
Cetakan Pertama 2018

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah, Institut Aminuddin Baki terlebih dahulu.

ISBN

ISBN 978-967-0504-69-8

Pengurus Penerbitan
Zainap binti Ibrahim

Pencetak

MERAH PRINT & SUPPLY SDN. BHD.
No. 20 & 20A, Jalan 4-12A, Seksyen 4 Tambahan,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

JAWATANKUASA PENERBITAN

Penaung

Pengarah
Institut Aminuddin Baki

Penasihat

Pn. Mistirine binti Radin
Timbalan Pengarah (Khidmat Latihan)

En. Mazlan bin Samsudin

Timbalan Pengarah (Khidmat Profesional)

Tn. Hj. Nik Mohd Fakhruddin bin Nik Mohammad

Ketua Pusat Dokumentasi dan Sumber Pendidikan

Ketua Editor

Pn. Zainap binti Ibrahim

Editor

En. Azwan bin Wamin
En. Mohd Nashahrudin bin Haji Mat Daud

Sidang Pengarang

Pn. Maryati binti Athan

En. Shamsuri bin Jamil

Pn. Nor'Ainun binti Amir

En. Ismail bin Ibrahim

Pn. Samsiah binti Si-Rajab

YBrs. Dr. Liew Yon Foi

En. Ashraf bin Ab Rahman

Pn. Noraisah binti Md Yusof

Pn. Suriani binti Sulaiman

YBrs. Dr. Redzuan bin Jantan

En. Zulkifli bin Manaf

En. Shahrin bin Alias

En. Vasu a/l Muniandy

Pn. Hamsiah binti Mohd. Dahalan

En. Mazli Hasril bin Hasrudin

En. Amran bin Omar

YM Raja Ibrahim bin Raja Midin

Kandungan

1. Visi IAB
2. Misi IAB
3. Peranan IAB
4. Fungsi dan Matlamat IAB
5. Sejarah ringkas IAB
6. Carta Organisasi IAB
7. Kursus-kursus Utama IAB
 - 7.1 Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL)
 - 7.2 Kursus Kepimpinan Pemimpin Pertengahan (LCML)
 - 7.3 Program Immersion 2.0
 - 7.4 Program Pembangunan Prestasi Sekolah (SPeD-uP)
 - 7.5 Program Melonjakkan Kecemerlangan Sekolah Melalui Pembangunan Organisasi (PrOD)
 - 7.6 Program Master Trainer
 - 7.7 Kursus Pembitaran Pemimpin Pendidikan (From Great To Excellent Educational Leaders Course (GrEEL)
 - 7.8 Kursus Intervensi Pelonjakan Kepimpinan Sekolah (InPeKS)
 - 7.9 Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25)
 - 7.10 Kursus Pengurusan Kewangan dan Akaun Sekolah (PKAS)
 - 7.11 Kursus Kepimpinan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)
 - 7.12 Kursus *Certified Coach*
 - 7.13 Kursus Pemikiran Komputasional
 - 7.14 Program Literasi dan Numerasi 2.0 (LINUS 2.0)
 - 7.15 Program Pengukuhan Nilai Perpaduan
 - 7.16 Kursus Pengurusan Pembelajaran Maya (VLE- Frog)
 - 7.17 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)
 - 7.18 Kursus Psynnova I-Bmt (Pemimpin)
 - 7.19 Kursus Pelonjakan Profesionalisme Pemimpin Sekolah (PelProPS)
 - 7.20 Kursus Pembangunan Kepimpinan Sekolah (PKepS)
 - 7.21 Kursus Pengurusan Sumber (KPeS)
 - 7.22 Kursus Peningkatan Amalan Instruksional Pemimpin Sekolah (PAIPS)
8. Kemudahan di IAB
9. Lampiran/Surat Pekeliling Ikhtisas
10. Pegawai Rujuk



1. Visi IAB

Pusat pembangunan kepimpinan pendidikan yang terbilang

2. Misi IAB

Membangun kepemimpinan pendidikan bagi menghasilkan organisasi berkualiti

3. Peranan IAB

IAB sebagai sebuah institusi latihan kepimpinan dan pengurusan pendidikan bagi membangunkan keupayaan pengurus dan pemimpin pendidikan di semua peringkat KPM. Menghasilkan organisasi pendidikan yang berkualiti selaras dengan aspirasi negara untuk menjadi maju mengikut acuan sendiri.

4. Fungsi dan Maatlamat Institut Aminuddin Baki

4.1 Fungsi IAB

- Latihan
- Pentaksiran
- Konsultasi
- Penyelidikan
- Penerbitan
- Pasukan Pemikir

4.2 Matlamat Institut Aminuddin Baki

- Pemegang taruh dan pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan teras yang ditawarkan
- Barisan pengurusan dan kepimpinan organisasi pendidikan yang berkualiti dan bertaraf dunia
- Warga kerja IAB yang sejahtera dan berkompentensi tinggi
- Pengurusan kewangan dan sumber yang cekap, berhemah dan memberi pulangan nilai
- Memaksimumkan keberhasilan bagi setiap nilai ringgit (*value for money*)

5. Sejarah Ringkas IAB

Institut Aminuddin Baki ditubuhkan pada Mac 1979, dengan nama *Malaysian Educational Staff Training Institute* (MESTI). Pada ketika itu, MESTI yang diterajui oleh Dr. Chew Tow Yow (Pengetua) beroperasi di Bahagian Pendidikan Guru. MESTI telah berpindah ke kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi pada bulan Ogos 1979 sehingga September 1980, dan kemudiannya berpindah pula ke Blok 1, Kompleks Pantai Puri, Jalan Pantai Baru, Kuala Lumpur. Pada bulan Mac 1985 MESTI telah berpindah ke kampus rasminya di Sri Layang, Genting Highlands, dikenali sebagai Institut Pengurusan Pendidikan Negara (IPPN).


IPPN telah ditukar namanya kepada Institut Aminuddin Baki (IAB) pada 14 Mac 1988. Sebagai mengenang jasa Allahyarham Aminuddin Baki (Penasihat Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu) dalam bidang pendidikan. IAB terus mengorak langkah dan memainkan peranan sebagai sebuah institusi latihan dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan yang berwibawa selaras dengan tuntutan Plan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Peranan dan tanggungjawab IAB dalam bidang pendidikan terus berkembang sehingga mempunyai beberapa cawangan iaitu IAB Cawangan Utara (IABCU), IAB Cawangan Sarawak (IABCSWK) dan IAB Cawangan Sabah (IABCSBH).

Sebagai sebuah institusi latihan pengurusan dan kepimpinan khusus dalam bidang pendidikan, IAB mempunyai komitmen dan tanggungjawab besar bagi menghasilkan organisasi pendidikan yang berkualiti selaras dengan aspirasi negara. Pada Februari 2014, Kampus Induk IAB di Sri Layang, Genting Highlands telah berpindah ke kampus induk baharu di Kompleks Pendidikan Nilai, Bandar Enstek, Negeri Sembilan IAB Kampus Sri Layang bertukar status sebagai IAB Cawangan Genting Highlands (IABCGH).

Peranan IAB kian berkembang merangkumi program-program bersepadu dalam latihan kepimpinan pendidikan sama ada di peringkat institusi, daerah, kebangsaan mahupun antarabangsa. IAB juga menawarkan kursus-kursus di peringkat serantau dan antarabangsa. Matlamat IAB adalah untuk membina dan membangunkan profesionalisme dalam kepemimpinan dan pengurusan pendidikan yang akan memacu pembangukan pendidikan kebangsaan secara keseluruhannya.

6.CARTA ORGANISASI IAB



7. Kursus Utama IAB

7.1 PROGRAM KELAYAKAN PROFESIONAL PEMIMPIN PENDIDIKAN KEBANGSAAN (NPQEL)

a. Pengenalan

Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) dilaksanakan bagi menyediakan barisan pelapis pemimpin pendidikan yang mampu menerajui sekolah ke arah kecemerlangan. Program ini direka bentuk untuk memberikan pengalaman secara terancang kepada peserta dalam memperoleh dan mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang berguna untuk tujuan pengurusan sekolah. Peserta juga berpeluang untuk membina jaringan profesional dalam usaha ke arah penambahbaikan sekolah. Program NPQEL adalah kesinambungan daripada program Sijil Kelayakan Profesional Kepengetuaan Kebangsaan atau *National Professional Qualification for Headship* (NPQH) yang telah dilancarkan pada 1 Jun 1999. Pada tahun 2008 program NPQH telah ditukar nama kepada program NPQEL. Pengisian program dimantapkan dengan tempoh berkursus dikekalkan selama setahun, dengan enam (6) bulan pertama di IAB dan enam (6) bulan seterusnya di sekolah bagi Program Sandaran. Pada tahun 2011, IAB telah memendekkan tempoh Program NPQEL kepada lima (5) bulan dan struktur mod pengajian dilaksanakan secara *blended learning*, iaitu secara bersemuka dan e-Pembelajaran.

Bagi memastikan NPQEL terus relevan dengan perkembangan dan kehendak pembangunan profesional semasa, maka IAB mengaplikasi pendekatan baharu melalui NPQEL Versi 2018 atau NPQEL 2.0 yang berteraskan kompetensi atau kecekapan (*competency based*). Kaedah 70:20:10 digunakan sebagai pendekatan latihan. Latihan Berasaskan Kecekapan memberi peluang kepada individu mempamerkan keupayaan peserta dalam membugarkan kompetensi berasaskan pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu tugas sebagai pemimpin berprestasi tinggi seperti mana hasrat KPM dalam Anjakan ke-5 PPPM 2013-2025. NPQEL 2.0 mula dilaksanakan mulai Ambilan 1 Tahun 2018.

b. Objektif

Membangunkan kompetensi pemimpin di sekolah/bahagian/JPN/PPD/ dalam aspek pengurusan dan kepimpinan dengan;

- Memahami konsep pemimpin berwawasan dan mengenal pasti kemahiran insaniah serta kemahiran teknikal yang diperlukan.
- Menterjemahkan kemahiran ini dalam menyediakan plan pembangunan sekolah dan merangka tindakan untuk mencapai hasrat KPM dengan menganalisis data atau maklumat yang diberikan.
- Mengurus perubahan berasaskan model yang berkaitan.
- Membuat keputusan berkesan berasaskan data dan membina plan perancangan dan pemantauan.
- Berupaya menterjemah konsep pembangunan kapasiti untuk diaplikasikan dalam bentuk amalan dengan berkesan.
- Berupaya melakukan analisis keperluan yang mampu membangunkan potensi diri, warga sekolah dan organisasi.
- Berupaya merancang, melaksana, menilai dan membuat refleksi aktiviti-aktiviti pembangunan sumber manusia yang diberikan.

- viii. Berupaya mewujudkan jaringan dan jalinan dengan menggunakan pelbagai strategi dan sumber bagi menyokong pembangunan organisasi.

c. Kandungan

- i. Berwawasan
 - Pengurusan Strategik
 - Pengesanan Pencapaian (*Progress Tracking*)
 - Pengurusan Data
 - Berfikir Kreatif dan Inovatif
 - Kemahiran Menerima Pakai dan Mengadaptasi (Adopt and Adapt)
- ii. Menerajui Perubahan
 - Definisi mengurus Perubahan
 - Kepentingan mengurus Perubahan
 - Komponen perubahan
 - Model Mengurus Perubahan Kotter, 1996
 - Teknik/alat penyelesaian masalah dan membuat keputusan
 - Langkah membina pelan tindakan/intervensi
 - Alat pemantauan pelaksanaan perubahan
- iii. Mencemerlangkan Organisasi
 - Pengurusan kewangan, asset dan sumber manusia di sekolah
 - Konsep Membina Jaringan dan Jalinan
 - Kemahiran Perundingan
 - Kesedaran Sosial
 - Kemahiran Keusahawanan
 - Sarana Sekolah dan Sarana Ibu bapa
- iv. Berketerampilan
 - Berkeperibadian Tinggi
 - Berkepimpinan
 - Komunikasi berkesan

d. Syarat Kursus

Permohonan NPQEL perlu memenuhi syarat umum dan syarat khusus.

d1. Syarat Umum

- i. Disahkan dalam perkhidmatan (bagi PPP Gred DG29);
- ii. Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu sebanyak 85% berdasarkan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) tiga (3) tahun terkini;
- iii. Bebas daripada tindakan tatatertib;
- iv. Telah mengisytiharkan harta (tempoh lulus isytihar harta tidak melebihi lima (5) tahun);
- v. Lulus Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- vi. Bebas daripada senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan; dan
- vii. Diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan

d2. Syarat Khusus

- i. Telah dinaikkan pangkat ke Gred DG48 (bagi calon Pengetua) atau Gred DG32 (bagi calon Guru Besar) atau sekurang-kurangnya lima tahun di Gred DG29 (bagi calon Guru Besar SKM(B));
- ii. Mempunyai pengkhususan dalam bidang tertentu:
Pengetua: Bidang Umum/Teknikal/Pendidikan Islam

Guru Besar: Bidang Umum/Cina/Tamil;

- iii. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun berkhidmat sebagai Guru Kanan Mata Pelajaran/Ketua Bidang/Penolong Kanan (termasuk Penolong Kanan yang dilantik secara pentadbiran di SKM(B)/jawatan-jawatan pentadbiran di PPD, JPN, Bahagian, IAB, Institut Pendidikan Guru atau Kolej Matrikulasi;
- iv. Mempunyai sekurang-sekurangnya lima (5) tahun tempoh perkhidmatan sebelum bersara (tertakluk kepada tarikh kekosongan); dan
- v. Melepassi tahap kesihatan yang memuaskan (Perenggan 9, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2013).

e. Peserta

Rujuk jadual 1 & 2

Jadual 1: Peserta NPQH dan NPQEL Mengikut Tahun dan Ambilan

Bil	Program	Tahun	Sek Men	Sek Rendah	Jumlah
1	NPQH Kohort 1-11	1999-2007	838	775	1613
2	NPQeL	2008-2014	1338	1392	2730
3	NPQEL	2015	493	889	1382
4	NPQEL	2016	433	1247	1680
5	NPQEL	2017	321	1250	1571
6	NPQEL	2018	411	1011	1422
Jumlah Besar			3,834	6,564	10,398

Jadual 2: Penempatan peserta mengikut lokasi 2018

Bil	Lokasi	Sekolah Rendah	Sekolah Menengah	Jumlah
1	IAB INDUK	129	270	399
2	IABCGH	131	280	411
3	IABCU	110	206	316
4	IABCSAR	24	137	161
5	IABCSBH	17	118	135
Jumlah Besar		411	1,011	1,422

7.2 LATIHAN KEPADA PEMIMPIN PERTENGAHAN SEKOLAH (LCML)

a. Pengenalan

Keputusan Mesyuarat Profesional KPM Bil 27/2012 memberi kuasa kepada semua bahagian yang terlibat melaksanakan program dalam inisiatif PPPM 2013-2025. Keputusan Mesyuarat Pengurusan KPM Bil. 4/2015 juga telah mengambil maklum bahawa IAB akan melaksanakan latihan kepada Pemimpin Pertengahan. Kursus LCML dijangka dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pemimpin pertengahan untuk melaksanakan tugas dengan lebih berkesan.

b. Objektif

Membangunkan kompetensi Pemimpin Pertengahan untuk mewujudkan pasukan pemimpin berprestasi tinggi di organisasi pendidikan.

c. Syarat Kursus

- Kohort 1: Ketua Panitia, GKMP, Setiausaha Unit Pengurusan sekolah yang berpengalaman sekurang-kurangnya 1 tahun, berprestasi cemerlang dan memiliki potensi sebagai pemimpin tertinggi masa depan.
- Kohort 2: Pemimpin pertengahan di Bahagian Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah yang berprestasi cemerlang dan memiliki potensi sebagai pemimpin tertinggi masa depan.

d. Peserta/Sasaran

- Kohort 1: Ketua Panitia sekolah rendah, Guru Kanan Matapelajaran Sekolah Menengah, Setiausaha Unit Pengurusan di sekolah rendah dan menengah.
- Kohort 2: Pemimpin Pertengahan di Bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah (Rujuk Jadual 3)

Jadual 3: Jumlah peserta 2017 dan 2018

	Jumlah Ambilan sehingga 2017	Bilangan Peserta sebelum 2017	Bilangan Peserta selepas 2018 (Anggaran Peserta)	Jumlah Peserta
IABI	5	60	85	145
IABCU	3	-	88	88
IABCSWK	3	-	90	90
IABCSBH	3	-	90	90
Jumlah Besar	17	60	443	503

7.3 PROGRAM IMMERSION 2.0

a. Pengenalan

Program Immersion 2.0 adalah program transisi Pengetua/Guru Besar (PGB) dalam menyediakan dan memantapkan pelbagai kompetensi kepimpinan dan pengurusan yang diperlukan sejajar dengan peranan mereka sebagai pemimpin sekolah. Sebelum ini dikenali sebagai *Programme Residency & Immersion* (PRIme).

b. Objektif

Pada akhir Program Immersion 2.0, PGB Lantikan Baharu dapat:

- Mengenal pasti bidang-bidang keutamaan dalam pengurusan dan kepimpinan di sekolah.
- Mengenal pasti iklim dan budaya di sekolah.
- Merancang dan menghasilkan pelan pembangunan organisasi dengan bimbingan SIParners +.
- Merealisasikan pelan pembangunan organisasi dalam bentuk tindakan.
- Melaksanakan penilaian/penambahbaikan dengan bimbingan SIP+ dan Pensyarah IAB dalam perkara berkaitan kepimpinan dan pengurusan sekolah.

c. Syarat Kursus

Seseorang pegawai perkhidmatan pendidikan yang baharu dilantik sebagai Pengetua/Guru Besar di sesebuah sekolah.

d. Peserta/Sasaran

Pengetua dan Guru Besar Lantikan Baharu yang menjawat jawatan sebagai pemimpin sekolah buat kali pertama. (Jadual 4).

Jadual 4: Bilangan Peserta PRIme dan Immersion 2014-2018

	Bilangan Peserta PRIme (2014-2017)	Bilangan Peserta Immersion 2.0 (Anggaran 2018)	Jumlah Peserta
Pengetua	1342	366	1708
Guru Besar	1429	1074	2503
Jumlah Besar	2771	1440	4211

7.4 PROGRAM PEMBANGUNAN PRESTASI SEKOLAH (SPeeD-uP)

a. Pengenalan

Program Pembangunan Prestasi Sekolah (SPeeD-uP) merupakan satu langkah yang proaktif untuk membantu dan memotivasi sekolah yang berada antara sekolah berprestasi tinggi dengan sekolah berprestasi rendah. Langkah ini berupaya meletakkan asas supaya setiap sekolah boleh berada dalam satu kedudukan untuk mendapat status berprestasi tinggi. Program ini memberi tumpuan kepada aspek keberkesanan sekolah, kemajuan sekolah, peningkatan kualiti, pembangunan staf, perkongsian, keberkesanan pengurusan sumber dan pengurusan perubahan.

b. Objektif

- memahami dan menerangkan konsep dan kemahiran kepimpinan untuk pembangunan prestasi sekolah
- menganalpasti isu dan masalah sebenar di sekolah melalui analisis SKPMg2, analisis SWOT dan model *GROW*
- menganalisis data untuk membina pelan tindakan dan mengenal pasti bidang/ruang peningkatan prestasi sekolah
- merangka pelan tindakan bagi program peningkatan prestasi sekolah melalui Operasi SPeeD-uP

c. Kandungan

- Konsep/jenis/kemahiran pemimpin
- Standard Kompetensi Kepengetuaan Sekolah Malaysia (SKKSM)
- Pengenalan SPeeD-uP
- Analisis isu sekolah (SKPMg2)
- Inisiatif memajukan sekolah (Pelan Operasi dan Taktikal)

d. Kumpulan Sasaran

- Pemimpin Pendidikan (SiP+ dan SiSC)
- Pengetua/Guru Besar
- Guru Penolong Kanan Pentadbiran
- Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM)
- Guru Penolong Kanan Ko-Kurikulum

Jadual 5: Peserta Speed-uP mengikut Pecahan Cawangan

Lokasi	Jumlah Ambilan sehingga 2017	Bilangan Peserta sebelum 2017	Bilangan Peserta selepas 2017	Jumlah Peserta
IABI	150 peserta(75 OD)	900(2014 -2016)	150	1200
IABCGH	60	300	60	420
IABCU	60	300	60	420
IABCSAR	60	300	60	420
IABCSBH	90	600	90	780
Jumlah Besar	420	3400	420	3240

7.5 PROGRAM MELONJAKKAN KECEMERLANGAN SEKOLAH MELALUI PEMBANGUNAN ORGANISASI (PrOD)

a. Pengenalan

Program Melonjakkan Kecemerlangan Sekolah Melalui Pembangunan Organisasi (PrOD) adalah model pembangunan kepimpinan sekolah Institut Aminuddin Baki (IAB) yang membangunkan kepimpinan sekolah sesuai dengan pekerjaan harian mereka. PrOD juga mampu melonjakkan prestasi organisasi keseluruhannya jika pemimpin mengaplikasikannya secara optimum. Selain dari pemimpin sekolah, pegawai dari Jabaran Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah juga telah dan akan berkongsi PrOD dalam perbengkelan yang dilaksanakan di IAB.

b. Objektif

- Meningkatkan prestasi sekolah melalui perubahan yang sistematik bermula daripada pemimpin sekolah kepada warga sekolah.
- Melonjakkan kecemerlangan organisasi daripada aspek hala tuju, pengurusan organisasi serta pengajaran dan pembelajaran.
- Menilai kecukupan dan keberkesanan modul PrOD dalam membantu melonjakkan kecemerlangan sekolah.

c. Kandungan

Fasa 1: Keberkesanan Kendiri dan Kepimpinan Berkesan serta Pembinaan Pasukan dan Pengurusan Perubahan

- Kerangka PrOD KoKem
- Kepimpinan Kendiri (Moral imperative, Good to Great, 360 °Leader, Surat)
- Kepimpinan Organisasi (SKPM, sPeCt, IL dan TL)
- Bina Pasukan (ARRAS, DEFFRAC)
- Bina Pasukan (Coaching)
- One-Page Project Manager (OPPM)

Fasa 2: Kelestarian Kecemerlangan Organisasi.

- Memimpin PLC
- Dialog Profesional (Amalan terbaik, cabaran dan isu)
- Mengurus Perubahan (Fullan, Kotter, 21st Century Leadership for Learning)
- Pelan Tindakan (OPPM)
- Pembentangan dan Rumusan

d. Kumpulan Sasaran

- i. Pengetua / Guru Besar
- ii. Guru Penolong Kanan Pentadbiran
- iii. Guru Penolong Kanan Hem
- iv. Guru Penolong Kanan Ko-Kurikulum

Jadual 6: Peserta PrOD 2017-2018

IAB	Jumlah Ambilan sehingga 2017	Bilangan Peserta sebelum 2017	Bilangan Peserta selepas 2018	Jumlah Peserta
Induk	360 peserta(150 OD)	1080(2014 -2016)	60	1500

7.6 MASTER TRAINER

a. Pengenalan

Pada 24 April 2008, YB. Menteri Pelajaran Malaysia telah memberikan mandat kepada IAB menjadi sebagai *Premier Centre* dalam bidang latihan dan pembangunan serta pewujudan Badan Penganugerahan Sijil Kejurulatihan Profesional (*Master Trainer*) dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan.

Justeru itu, Program Master Trainer IAB diwujudkan bagi melahirkan trainer dan coach yang bertauliah, kompeten dan berupaya melaksanakan program latihan dan pembangunan kepada pengurus dan pemimpin pendidikan. Dalam Program Master Trainer terdapat empat sijil yang dianugerahkan iaitu *Certified Trainer*, *Certified Master Trainer*, *Certified Coach* dan *Certified Master Coach*.

b. Objektif

- i. Membangunkan kumpulan trainer dan pembimbing pengurusan pendidikan yang terlatih dan kompeten.
- ii. Mengiktiraf pensyarah IAB dan Pegawai KPM yang mencapai kompetensi yang ditetapkan sebagai Master Trainer
- iii. Dapatan pentaksiran digunakan untuk tujuan pembangunan profesional trainer dan pembimbing yang tepat selaras dengan piawai yang ditetapkan.

c. Syarat Kursus

Syarat Am dan Syarat Khusus Keperluan Master Trainer
(*Certified Trainer* dan *Certified Master Trainer*) Rujuk Jadual 7

Jadual 7: Syarat Kursus **MASTER TRAINER**

Jenis Pensijilan	Syarat Am	Syarat Khusus
	(Pengetahuan Asas Pembelajaran & Pembangunan (<i>Learning & Development</i>))	Kemahiran & Pengalaman Latihan
<i>Certified Trainer</i>	: Ilmu <i>ELM</i> * : Aplikasi Andragogi dalam <i>Learning and Development</i> : Asas Latihan (strategi, kaedah, pengurusan latihan, reka bentuk persembahan, kemahiran fasilitator, kaedah latihan berasaskan ICT)	: Pengendalian sesi latihan dalam <i>ELM</i> *

<i>Certified Master Trainer</i>	: Ilmu ELM* : Aplikasi <i>Andragogi</i> dalam <i>Learning and Development</i> : Asas Latihan (strategi, kaedah, pengurusan latihan, reka bentuk persembahan, kemahiran fasilitator, kaedah latihan berasaskan ICT) : Kemahiran <i>Instructional Coaching</i> : Menghadiri kursus Persediaan Master Trainer	: Mereka bentuk satu modul latihan lengkap dalam bidang pengkhususan (jam terkumpul sebanyak 16 jam) menggunakan model (contoh ADDIE*) secara individu/kumpulan tidak melebihi tiga orang : Melaksanakan latihan dalam bidang pengkhususan yang dibangunkan (minimum 3 kali) : Menjadi mentor kepada sekurang-kurangnya dua orang <i>trainer</i>.
---------------------------------	--	---

*ELM : Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan (*Educational Leadership and Management*)
ADDIE (*Training Need Analysis, Design, Development, Implementation, Evaluation*)

Syarat Am dan Syarat Khusus Keperluan Master Trainer (*Certified Coach* dan *Certified Master Coach*)

Jenis Pensijilan	Syarat Am	Syarat Khusus
<i>Certified Coach</i>	● Ilmu <i>ELM</i> ● Penambahbaikan dan Pembangunan Sekolah ● Kemahiran asas <i>coaching</i> ● Menghadiri Kursus Persediaan <i>Coach</i>.	● Melaksanakan sesi <i>coaching</i> minimum 50 sesi dalam bidang <i>ELM</i> ● Menguasai mana-mana satu model <i>coaching</i> (contoh GROW) ● Berkeupayaan menyediakan pelaporan sesi <i>coaching</i>
<i>Certified Master Coach</i>	● Ilmu <i>ELM</i> ● Penambahbaikan dan Pembangunan sekolah ● Kemahiran asas <i>coaching</i> dan mentoring ● Kemahiran konsultasi ● Menghadiri Kursus Persediaan <i>Coach</i>	● Membangun dua program OD bagi mana-mana organisasi secara lengkap dan berjaya ● Menjadi mentor kepada sekurang-kurangnya dua orang <i>coach</i> ● Berkemampuan untuk membimbing pemimpin pendidikan yang mengamalkan pemikiran reflektif ● Bukti kelayakan tambahan ● Pencapaian organisasi yang dibimbing

d. Sasaran / Peserta

- Certified Trainer* dan *Certified Master Trainer* - Pensyarah IAB dan pegawai-pegawai KPM dan di luar KPM yang terlibat memberikan latihan dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan.
- Certified Coach* dan *Certified Master Coach* - Pensyarah IAB, SIP+, SISC+, FasilINUS dan pegawai-pegawai KPM dan di luar KPM yang terlibat memberikan bimbingan dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan.

Jadual 8: Peserta **MASTER TRAINER** mengikut Pecahan Cawangan

	<i>Certified Trainer</i>	<i>Certified Master Trainer</i>	<i>Certified Coach</i>	<i>Certified Master Coach</i>
IABI	80	7	56	1
IABCGH	42	5	23	2
IABCU	21	8	24	2
IABCSAR	5	-	10	-
IABCSBH	3	-	8	-
Jumlah	151	20	121	5

7.7 KURSUS PEMBITARAAN PEMIMPIN PENDIDIKAN (FROM GREAT TO EXCELLENT EDUCATIONAL LEADERS COURSE (GrEEL)

a. Pengenalan

Kursus Pembitaran Pemimpin Pendidikan (From Great To Excellent Educational Leaders Course, GrEEL) yang dalam kluster Kursus Pelengkap ialah kursus high level yang ditawarkan kepada pemimpin berprestasi cemerlang (EP). Kursus ini menggunakan satu pendekatan luar biasa kerana peserta diberi pendedahan kepada kaedah pengurusan dan kepimpinan di luar konteks pendidikan dengan mengadaptasikan amalan-amalan terbaik syarikat dan organisasi luar yang telah terbukti tersohor di persada dunia. Dengan menggunakan potensi diri mengatasi limitasi sempadan kemampuan diri, peserta dapat mengaplikasi dan mengadaptasi pengetahuan dan kemahiran baharu di luar kotak minda dalam membuat inovasi ke arah membina sekolah yang unggul. Kejayaan dan amalan terbaik yang berjaya dibuktikan semasa membuat pengurusan projek akan dikongsi bersama warga pemimpin pendidikan di daerah masing-masing.

Program GrEEL ini telah dilaksanakan sejak 2014 – 2015 selaras dengan tanggungjawab IAB untuk membangunkan inisiatif pendidikan menerusi Program Transformasi Kerajaan (GTP) GTP 2.0 seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dalam tempoh 2013 -2025.

Walau bagaimana pun, program ini telah ditangguhkan pelaksanaannya pada tahun 2016 dan 2017 untuk memberi tumpuan kepada kursus bagi PGB berprestasi sederhana dan rendah. Pada tahun 2018, kursus ini diteruskan untuk menyambungkan usaha kecemerlangan PGB di sekolah masing-masing.

b. Objektif

- Mengembangkan potensi PGB berprestasi tinggi dengan mencabar kemampuan diri dalam aspek pengetahuan, kemahiran, sikap, minda, emosi, kecergasan, kecerdasan dan spiritual
- Memantap dan menambahbaik kualiti kepimpinan dan pengurusan secara kreatif dan inovatif untuk melonjak kecemerlangan individu dan prestasi organisasi
- Menghayati Model Bisnes dalam industri yang lain dan merangka serta mengaplikasikan model ini mengikut konteks organisasi masing-masing.

- iv. Mengenal pasti, mempelajari, mengubahsuai dan melaksanakan amalan-amalan terbaik daripada organisasi lain untuk mencapai prestasi sekolah yang unggul.
- v. Berkongsi amalan terbaik pemimpin cemerlang dengan mengadaptasikan amalan-amalan tersebut dalam pengurusan dan kepimpinan sekolah.
- vi. Memimpin Pengetua dan Guru Besar yang lain dalam membudayakan Professional Learning Community (PLC) di daerah masing-masing.

c. Syarat Kursus

Peserta kursus akan melalui 5 fasa dalam kursus seperti dalam jadual 9

Jadual 9: Fasa Kursus

FASA	AKTIVITI	TEMPOH	JUMLAH JAM
Fasa 1	Kursus Bersemuka	5 hari	30
Fasa 2	Program Sandaran Industri	5 hari	30
Fasa 3 & Fasa 4	Taklimat projek dan PLC	2 hari	12
	Pengurusan Projek & Professional Learning Community (PLC)	4 bulan	186
Fasa 5	Kolokium	3 hari	18

PGB yang hadir kursus GrEEL perlu lulus dalam penilaian setiap fasa mengikut wajaran berikut:

Fasa 1: Bersemuka (Ujian Pra/Pasca)	: 10%
Fasa 2: Sandaran Industri (Reflektif Jurnal)	: 10%
Fasa 3: Pelaksanaan Projek	: 20%
Fasa 4: Pelaksanaan PLC	: 20%
Fasa 5: Kolokium (Hasil Projek)	: 40%

Skala Pemarkahan

Skala	Prestasi	Tahap Capaian
76 - 100	Cemerlang	Lulus
51 - 75	Baik	Lulus
26 - 50	Sederhana	Tidak Lulus
0 - 25	Lemah	Tidak Lulus

d. Sasaran / Peserta

Sasaran bagi program ini ialah PGB (Pengetua DG 52/DG54 dan Guru Besar DG34/ DG38) iaitu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran yang berkhidmat di Bahagian/JPN/PPD dengan pencapaian prestasi cemerlang berdasarkan Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) dan diperakukan oleh Ketua Jabatan. Peserta dicalonkan oleh BPSM.

Pegawai KPM yang dikategorikan berprestasi cemerlang tidak termasuk:

- Cuti sakit berpanjangan/kritikal yang melebihi 180 hari.
- Pesakit mental yang disahkan oleh Lembaga Perubatan.
- Tidak hadir bekerja yang melebihi 180 hari dalam tempoh 1 tahun perkhidmatan tanpa kebenaran Ketua Jabatan atau sebab munasabah.
- Cuti tanpa gaji mengikut pasangan/jaga anak/ urusan persendirian yang melebihi 180 hari.
- Pemimpin yang dipinjamkan dan ditempatkan ke agensi-agensi berkanun atau swasta.
- Cuti belajar yang melebihi 180 hari.
- Tempoh persaraan wajib kurang dari satu tahun.

Jadual 11: Peserta **MASTER TRAINER** mengikut Pecahan Cawangan

LOKASI	Bilangan Peserta sebelum 2017	Bilangan Peserta 2018	Jumlah Peserta
IABI		30	30
IABCGH	14		14
IABCU		30	30
IABCSAR		15	15
IABCSBH		15	15
Jumlah Besar	14	90	104

7.8 KURSUS INTERVENSI PELONJAKAN KEPIMPINAN SEKOLAH (InPeKS)

a. Pengenalan

Kursus Intervensi Pelonjakan Kepimpinan Sekolah (InPeKS) adalah sebahagian daripada Program Pelonjakan Kepimpinan Sekolah (ProPeKS). ProPeKS merupakan satu program yang diterajui Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, KPM bagi menempatkan Pengetua Berprestasi Cemerlang (PGBC) di Sekolah Berprestasi Rendah (SBR). PGBC diberi peluang untuk mengaplikasikan pendekatan baharu bagi mempertingkatkan dan melonjakkan prestasi SBR. InPeKS pula memberi intervensi dan bimbingan kepada PGBC melaksanakan pendekatan yang bersesuaian di SBR. Pelaksanaan intervensi kepada PGBC menumpukan kepada pembangunan sendiri pengetua disamping merancang perubahan sekolah ke arah lebih baik. Selain bengkel dan perbincangan sesama pengetua, pensyarah IAB melaksanakan *Follow Up Follow Through* bagi membimbing mereka melaksanakan perubahan.

b. Objektif

Di akhir program, peserta dapat meningkatkan:

- Kesediaan PGBBC untuk memimpin sekolah SBR
- Peningkatan kemahiran dan pengetahuan PGB SBR yang akan dikekalkan di SBR.
- Kesediaan PGB SBR yang akan dipindahkan dari SBR ke sekolah lain

c. Sasaran / Peserta

Peserta Kursus InPeKS dibahagikan kepada tiga kategori

- i. PGBC ditempatkan di SBR

- ii. Pengetua dikekalkan di SBR
- iii. Pengetua SBR dipindahkan ke SBR
- iv. *Outcome*
 - a) Keperibadian
 - i. Spiritual
 - ii. Tingkah laku/Sikap/Etika/Integriti
 - iii. Mind setting
 - iv. Emosi
 - v. Sosial
 - vi. Motivasi
 - b) Komuniti Sosial
 - i. Saranan ibubapa
 - ii. Sumbangan dalam Komuniti – (analisis dokumen)
 - iii. Jaringan dan Jalinan (analisis *stake holders*)-pelan tindakan
 - c) Pencapaian Prestasi
 - i. Pengurusan – SKKSM
 - ii. Kepimpinan - (Inspirational/Distributed)

c. Jumlah Peserta mengikut tahun dan lokasi latihan

Pada tahun 2017 telah dilaksanakan program rintis melibatkan seramai 29 orang pengetua dan seramai 28 orang *School Improvement Partner* Plus. Peserta SIP Plus sebagai pembimbing kepada peserta terlibat. Pecahan bilangan peserta seperti jadual 12:

Jadual 12: Ambilan Peserta 2017 dan 2018

Kategori Peserta	Bilangan (orang)
PGBC ke SBR	15
Pengetua SBR kekal di SBR	9
Pengetua SBR keluar ke sekolah lain	5
School Improvement Partner Plus	28
Jumlah	57

7.9 PROGRAM TRANSFORMASI SEKOLAH 2025 (TS 25)

a. Pengenalan

Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) merupakan sebahagian daripada usaha Kementerian Pendidikan Malaysia ke arah meningkatkan kemenjadian murid dan sekolah berkualiti. Mengaplikasikan amalan terbaik dalam pelaksanaan pengurusan dan kepimpinan serta pedagogi dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) selari dengan hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025.

TS25 adalah satu usaha ke arah melahirkan modal insan unggul melalui:

- i. Persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan
- ii. Disokong kepimpinan yang berkualiti / berwawasan
- iii. Guru yang kompeten dan beraspirasi tinggi

iv. Komitmen komuniti yang padu

b. Objektif

- i. Mengaplikasi konsep dan amalan PdP terbaik
- ii. Membangunkan kepakaran dalaman melalui latihan yang komprehensif dan berstruktur kepada pembimbing pedagogi serta pembimbing kepimpinan
- iii. Membangunkan persekitaran pembelajaran yang berkesan dengan mengutamakan kemenjadian murid

c. Syarat pemilihan untuk mengikuti kursus

Syarat (Kriteria) Utama

- i. Kualiti Pengetua dan Guru Besar (PGB) dan Penolong Kanan (PK)
 - Rekod perkhidmatan cemerlang (markah PBPPP $\geq$ 85%)
 - Bersikap positif
 - Berwibawa
 - Terbuka
 - Bersedia menerima perubahan
- ii. Band sekolah 3 hingga 5
- iii. Baki perkhidmatan PGB dan PK $\geq$ 5 tahun
- iv. Syarat (Kriteria Tambahan)
- v. Bilangan murid > 350 orang
- vi. Feeder School
- vii. Infrastruktur Asas Lengkap
- viii. Akses Internet Baik

d. Sasaran

Pengetua dan Penolong Kanan, SIP+, SISC+, IAB DAN IPG

e. Anjuran

BPG (Penyarah IAB berperanan sebagai Rakan Elit dan Tenaga Pengajar)

Jadual 13: Ambilan Peserta 2017 dan 2018

PESERTA	Jumlah Ambilan sehingga 2017	Bilangan Peserta sebelum 2017	Bilangan Peserta selepas 2017	Jumlah Peserta
PGB dan PK	2 ambilan (2016 dan 2017)	400 orang (200 sekolah)	800 orang (400 sekolah)	1200 orang
SIP+ dan SISC+	1 ambilan	100 orang	457 orang	557 orang
IAB	1 ambilan	55 orang	100 orang	155 orang
IPG	1 ambilan	55 orang	160	215 orang

7.10 KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN SEKOLAH (PKAS)

a. Pengenalan

Pengurusan kewangan sangat penting untuk memastikan sumber yang telah disalurkan kepada sekolah dapat memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap ringgit yang telah dilaburkan. Penyediaan dan pengurusan sumber kewangan yang berkesan dapat menyokong dan membolehkan warga sekolah memberi tumpuan kepada tugas utama mereka dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bagi mencapai matlamat yang

ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Seajar dengan itu, kursus ini memberi pendedahan dan input berkaitan pengurusan kewangan sekolah kepada pengurus sekolah sebagai orang yang bertanggungjawab menerima dan menguruskan peruntukan termasuk kawalan yang mesti diamalkan dalam setiap bidang pengurusan kewangan sekolah.

b. Objektif

- i. Mengenalpasti dan mengaplikasikan pengurusan peruntukan bantuan persekolahan per kapita mengikut prosedur sedia ada.
- ii. Mengamalkan pengurusan terimaan dan pungutan mengikut sistem dan arahan yang berkuatkuasa.
- iii. Merancang, mengawal dan melaksanakan perolehan dan bayaran mengikut prosedur dan arahan yang berkuatkuasa.
- iv. Mengaplikasikan pengurusan aset alih kerajaan dengan sistematik dan mematuhi prosedur yang ditetapkan.
- v. Mengamalkan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan dan perakaunan sekolah.

c. Kandungan

- i. Pengurusan Peruntukan Bantuan Persekolahan.
- ii. Pengurusan Terimaan dan Pungutan
- iii. Pengurusan Perolehan dan Bayaran.
- iv. Sistem Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah (eSPKWS)
- v. Pengurusan Aset Alih dan Stor Kerajaan
- vi. Akauntabiliti dan Celik Kewangan

d. Kumpulan Sasaran

- i. Pengetua
- ii. Guru Besar
- iii. Guru Penolong Kanan Pentadbiran

Jadual 14: Peserta PKAS mengikut Pecahan Cawangan

LOKASI	BILANGAN PESERTA TAHUN 2013 - 2016	BILANGAN PESERTA TAHUN 2017	SASARAN BILANGAN PESERTA 2018	JUMLAH PESERTA
IABI	1707	180	240	2217
IABCGH	152	30	-	182
IABCU	150	60	90	300
IABCSAR	148	-	-	148
IABCSBH	136	-	-	136
Jumlah Besar	2293	270	330	2983

7.11 KURSUS KEPIMPINAN Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)

a. Pengenalan

Kursus Kepimpinan STEM ini direka bentuk khas untuk membantu pemimpin sekolah meningkatkan kesedaran, pengetahuan, kemahiran dan kepimpinan dalam pengukuhan pendidikan STEM melalui aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum dengan sokongan

daripada pelbagai pihak berkepentingan.

b. Objektif

- (i) Meningkatkan kesedaran PGB tentang kepentingan pendidikan STEM
- (ii) Meningkatkan pemahaman PGB tentang dasar dan konsep pendidikan STEM
- (iii) Meningkatkan kemahiran mengintegrasikan elemen STEM dalam PdP dan Kokurikulum
- (iv) Merancang tindakan untuk mendapat sokongan bagi pengukuhan pendidikan STEM
- (v) Meningkatkan kepimpinan PGB dalam pengukuhan pendidikan STEM

c. Syarat Kursus

- (i) Telah dilantik sebagai Pengetua atau Guru Besar.
- (ii) Mengikuti 90 % kursus yang telah dijadualkan.
- (iii) Peserta diberikan sijil kehadiran kursus

d. Sasaran

- (i) Pengetua
- (ii) Guru Besar

Jadual 15: Peserta STEM mengikut Pecahan Cawangan

LOKASI	Bilangan Peserta pada 2018	Jumlah Peserta
IABI	150	150
IABCGH	30	30
IABCU	30	30
IABCSAR	30	30
IABCSBH	30	30
JUMLAH	270	270

7.12 KURSUS CERTIFIED COACH

a. Pengenalan

Inisiatif membimbing dan memberi khidmat konsultasi adalah salah satu usaha untuk meningkatkan keupayaan individu dan organisasi melalui pendekatan pembangunan organisasi. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kompetensi pegawai pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai coach dalam meningkatkan prestasi organisasi.

b. Objektif

Pada akhir kursus peserta-peserta berupaya :

- i. memahami konsep, pengetahuan dan model coaching
- ii. menguasai kemahiran coaching.
- iii. mengaplikasikan dan melaksanakan aktiviti coaching melalui simulasi
- iv. merancang pelan tindakan untuk melaksanakan sesi coaching yang berkesan
- v. meningkatkan kompetensi coaching dan mentoring pemimpin di PPD

c. Syarat

Pegawai pendidikan yang dilantik sebagai Pensyarah IAB, SIPartners+ (SIP+), Pembimbing Rakan Peningkatan Sekolah (SISC+) dan FasiLINUS akan dipanggil untuk berkursus di samping pegawai JPN/ PPD semua daerah yang tiada SIPartners+

d. Sasaran (2018)

Jadual 16: Sasaran dan Anggaran Peserta 2018 mengikut Cawangan IAB

Lokasi	Pensyarah	SIP+	SISC+	FasiLINUS	JPN/PPD
IAB I	60	74	30	30	
IABCGH	60	33	30	30	1
IABCU	60	74	30	30	4
IABCSBH	30	37	30	30	2
IABCSAR	30	15	30	30	18
Jumlah	240	233 (237)	150	150	25 (63)

7.13 KURSUS PEMIKIRAN KOMPUTASIONAL

a. Pengenalan

Pemikiran Komputasional atau *Computational Thinking (CT)* adalah satu pendekatan untuk menyelesaikan masalah yang memberi kuasa (*empower*) kepada integrasi teknologi digital dengan idea-idea manusia. Ia merangkumi kemahiran asas yang penting dalam menyelesaikan masalah, mereka bentuk sistem, dan memahami tingkah laku manusia dengan menggunakan konsep asas sains komputer.

Pemikiran Komputasional merupakan proses penyelesaian masalah yang memerlukan usaha meleraikan sesuatu masalah kepada komponen yang lebih kecil (Decomposition), cuba merumuskan idea ataupun maklumat yang penting dan relevan (Abstraction), mengecam corak (Pattern Recognition) yang membolehkan perancangan penyelesaian yang tepat bagi mengelakkan ulangan dan tindakan yang kurang relevan. Individu perlu menggunakan pemikiran logikal (Logical Reasoning) bagi mengenal pasti maklumat yang penting dan mengatitkan langkah penyelesaian mengikut turutan yang logikal (Algorithm), menilai pemilihan dan keputusan yang telah dilakukan bagi menguji kesahihan dan kebolehlaksanaan prosedur tersebut (Evaluation).

Bermula tahun 2017, pemikiran komputasional dan sains komputer diintegrasikan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Melalui inisiatif ini, pemikiran komputasional akan diperkenalkan di peringkat sekolah rendah, dan diteruskan dengan pelaksanaan mata pelajaran Asas Sains Komputer supaya murid terdedah dengan kemahiran teknologi digital seperti pengekodan, algoritma dan menyelesaikan masalah.

Dalam usaha menghasilkan murid yang mempunyai kemahiran pembelajaran abad ke-21, standard ISTE (*Internasional Society for Technology in Education*) dijadikan panduan.

Sehubungan itu, Kursus Pemikiran Komputasional ini direka bentuk khas untuk pentadbir sekolah. Semua pentadbir sekolah seharusnya didedahkan dengan standard ISTE, konsep dan amalan pemikiran komputasional dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) untuk menghasilkan modal insan berkemahiran abad 21 dan menepati aspirasi murid seperti dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2016 - 2023).

7.14 PROGRAM LINUS

a. Pengenalan

Institut Aminuddin Baki (IAB), Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai organisasi yang menyediakan latihan dan bimbingan dalam bidang pengurusan dan kepimpinan sekolah, telah dipertanggungjawab untuk melatih dan memberi bimbingan kepada pemimpin sekolah rendah untuk melaksanakan Program LINUS mulai tahun 2010 hingga 2012, dan Program LINUS2.0 mulai tahun 2013 hingga sekarang. Program LINUS2.0 IAB merangkumi Kursus Pengurusan LINUS untuk Guru Besar (KPLUGB), Program Konsultasi LINUS ke sekolah yang GB telah hadir KPLUGB, dan Program Jerayawara Intervensi LINUS2.0 (JIL2.0), mulai pada tahun 2016.

1) Kursus Pengurusan Linus Untuk Guru Besar (KPLUGB)

KPLUGB anjuran IAB merupakan kursus yang dilaksanakan terhadap Guru Besar yang dikenalpasti yang mana sekolah mereka masih ramai murid yang tidak menguasai LINUS berdasarkan keputusan Saringan 1 dan Saringan 2 setiap tahun. Kriteria pemilihan sekolah digunakan untuk memilih peserta KPLUGB ialah;

- i. Guru besar yang baharu dilantik.
- ii. Sekolah HOTSPOT bagi LINUS2.0 berdasarkan data dalam Portal NKRA.

b. Objektif KPLUGB:

- i. Memberi pendedahan tentang NKRA-LINUS yang masih mempunyai ramai murid yang tidak menguasai LINUS.
- ii. Memberi pendedahan tentang pengurusan Instruksional: Literasi Bahasa Melayu (BM) Bahasa Inggeris (BI), Numerasi dan saringan.
- iii. Berkongsi Pengetahuan tentang murid berkeperluan khas khususnya murid bermasalah pembelajaran.
- iv. Berkongsi pengetahuan tentang pengurusan strategik, Penyelesaian masalah, Membuat keputusan berpandukan data, Kepimpinan Instruksional, Mindset Pemimpin sekolah dan hubungan sekolah dengan komuniti.
- v. Membantu peserta kursus membuat plan tindakan LINUS dan plan operasi bagi sekolah masing-masing.
- vi. Membincangkan isu-isu yang berkaitan LINUS di sekolah dan cadangan penyelesaian yang sesuai.
- vii. Mengadakan sesi perkongsian amalan terbaik dalam kalangan GB tentang program LINUS yang telah dilaksanakan di sekolah dan cadangan penyelesaian yang sesuai.
- viii. Mengadakan sesi perkongsian amalan terbaik dalam kalangan GB tentang program LINUS yang telah dilaksanakan di sekolah yang dapat membantu mengurangkan jumlah murid yang tidak menguasai LINUS.

2) PROGRAM KONSULTASI LINUS

Program konsultasi LINUS merupakan program *Follow Up Follow Through* (FUFT) terhadap GB yang telah menghadiri KPLUGB.

Objektif PROGRAM KONSULTASI LINUS

- i. Memberi konsultasi dan mentoring kepada GB yang telah menghadiri KPLUGB.
- ii. Mendapatkan data dan maklumat terkini tentang pengurusan LINUS di sekolah GB yang terlibat.
- iii. Mendapatkan data dan maklumat terkini tentang pencapaian murid LINUS dalam saringan yang diadakan di sekolah yang terlibat.

- iv. Mendapatkan maklumat tentang kekangan dan halangan pengurusan program LINUS di sekolah yang terlibat.

3) PROGRAM JERAWAYARA INTERVENSI LINUS2.0 (JIL2.0)

Merupakan program bersemuka selama sehari bersama Guru Besar di daerah terpilih. Ia juga merupakan program inovasi team LINUS IAB bermula pada tahun 2016.

Objektif JIL2.0

- i. Menjajarkan (realignment) peranan GB selaras dengan program LINUS 2.0.
- ii. Mengenal pasti isu pengurusan LINUS 2.0 di sekolah yang terlibat.
- iii. Merancang program intervensi LINUS2.0 bagi mengatasi isu yang dikenal pasti dan meningkatkan penguasaan murid dalam saringan LINUS2.0.

c. Syarat Umum

- i. Keutamaan peserta kursus adalah GB yang baharu dilantik.
- ii. Keutamaan pemilihan peserta ialah GB dari sekolah HOTSPOT berdasarkan data dalam portal NKRA.

d. Peserta KPLUGB

Jadual 18: Peserta LINUS 2017 dan 2018

IAB	Jumlah Ambilan Sehingga 2017	Bilangan Peserta Sehingga 2017	Bilangan Peserta 2018	Jumlah
Induk	20	657	144	801
GH	53	1656	1709	

Peserta JIL 2.0

IAB	Jumlah Ambilan Sehingga 2017	Bilangan Peserta Sehingga 2017	Bilangan Peserta 2018	Jumlah
Induk	13	920	860	1780

7.15 PROGRAM PENGUKUHAN NILAI PERPADUAN

a. Pengenalan

Perpaduan merupakan salah satu daripada lima elemen penting yang menjadi aspirasi sistem dalam PPPM 2013-2025. Ia juga berkait rapat dengan identiti nasional yang merupakan salah satu daripada aspirasi murid dalam PPPM 2013-2025. Hal ini adalah kerana sekolah berpotensi untuk memupuk nilai-nilai perpaduan. Berdasarkan ini, satu modul kursus berkaitan perpaduan yang khusus untuk pemimpin sekolah perlu dibangunkan bagi memastikan aspirasi berkenaan dapat dicapai dengan jayanya. Disamping menyokong inisiatif-inisiatif sedia ada, modul kursus ini dapat memberi kesedaran dan kefahaman kepada pemimpin sekolah tentang kepentingan perpaduan. Seterusnya mereka akan dapat merancang dan melaksanakan program-program yang menyokong ke arah perpaduan ini di sekolah dan komuniti masing-masing.

b. Objektif Program

- i. Memberi kesedaran tentang kepentingan perpaduan.
- ii. Memberi kefahaman tentang peranan pemimpin sekolah dalam usaha memupuk perpaduan dikalangan warga sekolah.

c. Syarat Kursus

Semua PGB diwajibkan menghadiri kursus penerapan nilai perpaduan.

d. Sasaran

Semua Pengetua dan Guru Besar

Jadual 19: Ambilan Peserta 2017 dan Anggaran Peserta 2018

	Jumlah Ambilan Sehingga 2017	Bilangan Peserta 2018	Jumlah Peserta
IABI	127	500	627

7.16 KURSUS PENGURUSAN PEMBELAJARAN MAYA (VLE- FROG)

a. Pengenalan

Pembelajaran maya merupakan satu trend pembelajaran abad ke 21 yang menekankan penggunaan internet untuk menguruskan pembelajaran, membekalkan mekanisma penghantaran maklumat, pemantauan prestasi pelajar dan capaian kepada sumber dP yang segera. Selaras dengan perkembangan itu, KPM telah memutuskan supaya VLE dilaksanakan di semua sekolah.

b. Objektif

- Memahami konsep dan perkembangan pembelajaran maya.
- Memahami gambaran (overview) dan fungsi pembelajaran maya.
- Menguasai kemahiran asas penggunaan teknologi pembelajaran maya.
- Memahami pengurusan pelaksanaan pembelajaran maya.
- Merancang pelan pelaksanaan pembelajaran maya di sekolah.

c. Syarat Kursus

- Telah dilantik sebagai Pengetua atau Guru Besar.
- Mengikuti 90 % kursus yang telah dijadualkan.
- Peserta diberikan sijil kehadiran kursus.

d. Sasaran

- Pengetua
- Guru Besar

Jadual 20: Bilangan Peserta Mengikut pecahan Negeri

Bil.	Negeri	Bil. Dilatih 2013	Bil. Dilatih 2014	Bil. Dilatih 2015	Bil. Dilatih 2016	Bil. Dilatih 2017	Jum. Telah Dilatih
1	Johor	121	779	65	64	0	1029
2	Kedah	59	389	58	0	0	506
3	Kelantan	61	327	48	0	0	436
4	Melaka	58	174	10	61	25	328
5	Negeri Sembilan	197	267	5	0	0	469
6	Pahang	140	392	0	61	0	593
7	Perak	237	599	3	0	0	839
8	Perlis	30	60	0	0	0	90
9	Pulau Pinang	55	269	56	61	0	441
10	Sabah	0	420	123	0	0	543

11	Sarawak	0	420	66	0	0	486
12	Selangor	389	427	9	0	0	825
13	Terengganu	69	387	0	58	0	514
14	WP Kuala Lumpur / Putrajaya	99	130	15	0	0	244
15	Labuan	0	27	0	0	0	27
Jumlah:		1515	5,067	458	305	25	7370

7.17 KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)

a. Pengenalan

Kaedah latihan daripada IAB meliputi latihan kepada pegawai-pegawai School Improvement Partner (SIP+) yang menjadi pegawai pembimbing dalam pelaksanaan Program i-THINK kepada pemimpin sekolah tersebut. Melalui kaedah ini, pegawai SIP+ didedahkan kepada maklumat, pengetahuan dan kemahiran berkaitan pelaksanaan Program i-THINK di sekolah. Mereka juga diberi bimbingan penyeliaan berkaitan cara menyelia pelaksanaan Program i-THINK di sekolah.

Pengisian modul kepimpinan ini meliputi slot:

- Kepimpinan dalam KBAT
- Mengurus Perubahan
- Membangun perancangan pelaksanaan dan
- Melaksanakan pemantauan di sekolah.

b. Objektif Program

- Memastikan pengetua dan guru besar dapat melaksanakan pengetahuan dan kemahiran yang telah diperolehi melalui Kursus i-THINK Secara Bersemuka (KiSB) melalui proses pemantauan dan bimbingan.
- Meningkatkan keberkesanan bimbingan penyeliaan (konsultasi) pegawai SIP+ dan pegawai JPN/PPD dalam pelaksanaan dan pembudayaan KBAT di sekolah-sekolah.
- Menambahkan keyakinan dan kefahaman pemimpin sekolah dalam melaksana dan membudayakan KBAT di sekolah.

c. Syarat Kursus

- Pengetua dan Guru Besar yang pernah menghadiri Kursus i-THINK Secara Bersemuka, mengikuti Kursus i-THINK dalam talian dan Kursus i-THINK luar talian.
- Pegawai JPN/PPD yang merupakan pegawai meja i-THINK/ KBAT.

d. Sasaran

- Sekolah Menengah(Pengetua)
- Sekolah Rendah(Guru Besar)
- Pegawat JPN/PPD
- SIP+

Jaduai 21: Bilangan Peserta KBAT

IAB	Jumlah Ambilan sehingga 2017	Bilangan Peserta sebelum 2017	Bilangan Peserta 2018	Jumlah Peserta
Induk	6 ambilan/program	1491 PGB 265 SIP 561 pegawai JPN/PPD		2317

7.18 KURSUS PSYNNOVA i-BMT (Pemimpin)

a. Pengenalan

Program Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB) untuk pemimpin sekolah adalah satu program yang unik dan sangat penting di peringkat nasional untuk melatih pengurus dan pemimpin sekolah. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 –2025, anjakan ke-5 PPPM adalah untuk memastikan kepimpinan berprestasi tinggi di tempatkan di sekolah. Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2015, “Pelaksanaan Dasar Pemisah (*Exit Policy*) Bagi Pegawai Yang Berprestasi Rendah Dalam Perkhidmatan Awam” IAB telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan Program **PSYNNOVA-iBMT** (*Psychological Innovation integrated Behavior Modification Technique*) kepada pemimpin sekolah yang mendapat markah kurang 60% berdasarkan prestasi Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) selaras dengan pernyataan prestasi LNPT seperti dalam Surat Pekeliling perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2009. Pemantapan Pengurusan Sistem Penilaian Prestasi Pegawai Perkhidmatan Awam. Psychological Innovation Intergrated Behaviour Modification Technique (PSYNNOVA i-BMT) adalah program pembangunan dan pemulihan komprehensif kepada pegawai berprestasi rendah yang terlibat dalam pelaksanaan dasar pemisah. Modul PSYNNOVA i-BMT (Pemimpin) yang digunakan ialah modul PSYNNOVA-iBMT IAB (ProLEC).

b. Objektif

Objektif program ini adalah untuk memastikan semua pemimpin sekolah berprestasi rendah (PBR) yang mengikuti intervensi PSYNNOVA i-BMT (Pemimpin) mencapai tahap kompetensi minima dengan melebihi prestasi rendah ($\geq 60\%$) menggunakan Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP).

c. Syarat Kursus

Peserta kursus adalah terdiri daripada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran untuk berkhidmat di sekolah bawah KPM, telah dilantik secara tetap dan telah disahkan dalam perkhidmatan dan memegang jawatan Pengetua dan Guru Besar (PGB), dan Penolong Kanan yang sedang berkhidmat dan mengajar di sekolah bawah KPM. Pemimpin ini mendapat markah kurang 60% berdasarkan prestasi PBPPP menggunakan instrumen penilaian Pengajaran dan Pentadbiran (PTA).

PBR yang telah dikenalpasti perlu melalui fasa saringan untuk mengenalpasti kriteria peserta berdasarkan kaviyet berikut:

Kaviyet:

- Pemimpin sekolah yang menghadiri PSYNNOVA-iBMT (Pemimpin) tidak lagi

memegang jawatan Pengurusan dan tidak lagi dinilai menggunakan instrumen PTA.

- ii. Pemimpin sekolah yang menghadiri PSYNNOVA-iBMT (Pemimpin) yang telah dikenakan tindakan tatatertib/disahkan sakit oleh lembaga perubatan.

Pemimpin sekolah yang dikategorikan berprestasi rendah tidak termasuk:

- i. Cuti sakit berpanjangan/kritikal yang melebihi 180 hari.
- ii. Pesakit mental yang disahkan oleh Lembaga Perubatan.
- iii. Tidak hadir bekerja yang melebihi 180 hari dalam tempoh 1 tahun perkhidmatan tanpa kebenaran Ketua Jabatan atau sebab munasabah.
- iv. Cuti tanpa gaji mengikut pasangan/jaga anak/ urusan persendirian yang melebihi 180 hari.
- v. Pemimpin yang dipinjamkan dan ditempatkan ke agensi-agensi berkanun atau swasta.
- vi. Cuti belajar yang melebihi 180 hari.
- vii. Tempoh persaraan wajib kurang dari satu tahun.

d. Sasaran

Jadual 22: Jumlah Peserta 2017

	Jumlah Ambilan sehingga 2017	Bilangan Peserta sebelum 2017	Bilangan Peserta selepas 2017	Jumlah Peserta
IABCGH	5	25		30

7.19 KURSUS PELONJAKAN PROFESIONALISME PEMIMPIN SEKOLAH (PeIProPS)

a. Pengenalan

Kursus Pelonjakan Profesionalisme Pemimpin Sekolah merupakan salah satu daripada kursus yang ditawarkan kepada Pengetua, Guru Besar dan Penolong Kanan berdasarkan prestasi dan kompetensi yang telah ditunjukkan oleh mereka dalam Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP). Konsep *soft skills* dan *hard skills* sangat penting untuk melonjakkan profesionalisme pemimpin sekolah dan menjadi sebahagian daripada kemahiran Abad ke-21. Maka pemimpin sekolah perlu melengkapkan diri dengan pemahaman yang mendalam tentang konsep tersebut. *Soft Skills* (kemahiran Insaniah) menekankan kepada *emotional quotient*, ciri-ciri peribadi, interaksi sosial, komunikasi, tabiat peribadi, kemesraan dan hubungan sesama manusia. Manakala *hard skills* pula menekankan kepada kemahiran spesifik yang boleh dipelajari dan diperolehi dalam sesuatu konteks.

b. Objektif

Modul ini dirancang bagi memenuhi kompetensi peserta yang tidak mencapai skor yang baik dalam dimensi Profesionalisme merujuk kepada Instrumen Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP).

Terdapat lima objektif kursus ini diberikan kepada pemimpin sekolah iaitu:

- i. Melonjakkan profesionalisme pemimpin sekolah dengan meningkatkan kompetensi

soft skills dan *hard skills*.

- ii. Mengenalpasti amalan kompetensi *soft skills* dan *hard skills* dalam kalangan pemimpin di sekolah.
- iii. Membangunkan kompetensi peserta berdasarkan keperluan kompetensi yang diperlukan.
- iv. Memastikan terdapat peningkatan dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan keyakinan selepas akhir latihan.
- v. Membuat pemantauan dan bimbingan dalam aspek amalan melalui Program Penandaarasan dan Coaching & Mentoring.

c. Syarat Kursus

Peserta kursus adalah terdiri daripada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran untuk berkhidmat di sekolah bawah KPM, telah dilantik secara tetap dan telah disahkan dalam perkhidmatan dan memegang jawatan Pengetua dan Guru Besar (PGB), dan Penolong Kanan yang sedang berkhidmat dan mengajar di sekolah bawah KPM. Pemimpin ini mendapat markah antara 60% hingga 80% berdasarkan prestasi PBPPP menggunakan instrumen penilaian Pengajaran dan Pentadbiran (PTA).

d. Sasaran

Jadual 23: Bilangan Peserta Terlibat Mengikut Tahun dan Pecahan IAB

TAHUN	IABI	IABCGH	IABCU	IABCSAR	IABCSBH	JUMLAH
2016	11			24		35
2017					11	11
JUMLAH	11			24	11	46

7.20 KURSUS PEMBANGUNAN KEPIMPINAN SEKOLAH (PKepS)

a. Pengenalan

Kursus Pembangunan Kepimpinan Sekolah (PKepS) merupakan salah satu daripada PPB yang ditawarkan kepada Pengetua, Guru Besar dan Penolong Kanan berdasarkan prestasi dan kompetensi yang telah ditunjukkan oleh mereka dalam Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP). Pemimpin merupakan tonggak utama dalam membangunkan sekolah. Oleh itu, semua pemimpin di sekolah mesti mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu seperti berfikir secara strategik dan proaktif dalam melaksanakan tindakan. Dalam usaha memantapkan pengurusan dan kepimpinan sekolah, warga sekolah juga harus dibimbing untuk merealisasikan hasrat yang ingin dicapai. Pemimpin sekolah juga perlu memantapkan hubungan dengan pihak berkepentingan dalam memajukan sekolah.

b. Objektif

Modul ini dirancang bagi memenuhi kompetensi peserta yang tidak mencapai skor yang baik dalam dimensi Kemahiran dan elemen Kepimpinan Organisasi merujuk Instrumen Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP).

Terdapat enam objektif kursus ini diberikan kepada pemimpin sekolah iaitu:

- i. Memahami hala tuju sekolah.
- ii. Mengenalpasti kemahiran-kemahiran dalam kepimpinan.
- iii. Menghubungkan jenis kuasa dan kepimpinan.
- iv. Menjelaskan tindakan proaktif pemimpin sekolah dalam sesuatu program.
- v. Menterjemah dan menetapkan hala tuju sekolah.
- vi. Merealisasi dan membudayakan hala tuju sekolah.

c. Syarat Kursus

Peserta kursus adalah terdiri daripada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran untuk berkhidmat di sekolah bawah KPM, telah dilantik secara tetap dan telah disahkan dalam perkhidmatan dan memegang jawatan Pengetua dan Guru Besar (PGB), dan Penolong Kanan yang sedang berkhidmat dan mengajar di sekolah bawah KPM. Pemimpin ini mendapat markah antara 60% hingga 80% berdasarkan prestasi PBPPP menggunakan instrumen penilaian Pengajaran dan Pentadbiran (PTA).

7.21 KURSUS PENGURUSAN SUMBER (KPeS)

a. Pengenalan

Kursus Pengurusan Sumber Pemimpin Sekolah (KPeS) merupakan salah satu daripada PPB yang ditawarkan kepada Pengetua, Guru Besar dan Penolong Kanan berdasarkan prestasi dan kompetensi yang telah ditunjukkan oleh mereka dalam Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP). Pemimpin merupakan tonggak utama dalam membangunkan sekolah. Oleh itu, semua pemimpin di sekolah mesti mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu seperti berfikir secara strategik dan proaktif dalam melaksanakan tindakan. Dalam usaha memantapkan pengurusan dan kepimpinan sekolah, warga sekolah juga harus dibimbing untuk merealisasikan hasrat yang ingin dicapai. Pemimpin sekolah juga perlu memantapkan hubungan dengan pihak berkepentingan dalam memajukan sekolah. Tugas dan tanggungjawab mengurus dan memimpin sesebuah sekolah menengah atau sekolah rendah, amat kompleks dan mencabar. Pengetua dan guru besar sebagai peneraju sekolah manakala guru-guru penolong kanan sebagai pembantu hendaklah bersedia melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran menangani cabaran dunia pendidikan. Persiapan yang mantap membolehkan mereka mengagunjalinkan segala bidang pengurusan kurikulum, kokurikulum, organisasi, pentadbiran pejabat dan sebagainya bagi melahirkan pendidikan berkualiti dan sekolah berkesan.

b. Objektif

Modul ini dirancang bagi memenuhi kompetensi peserta yang tidak mencapai skor yang baik dalam dimensi Kemahiran dan elemen Pengurusan merujuk Instrumen Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP).

Terdapat empat objektif kursus ini diberikan kepada pemimpin sekolah iaitu:

- i. Meningkatkan keupayaan pengurusan dan kepimpinan sumber pendidikan.
- ii. Meningkatkan kemahiran pengurusan pemimpin sekolah dalam aspek pengurusan pejabat, kurikulum, HEM dan kokurikulum.
- iii. Meningkatkan kompetensi pengurusan pemimpin sekolah dalam aspek pengurusan pejabat, kurikulum, HEM dan kokurikulum.
- iv. Meningkatkan akauntabiliti pemimpin sekolah dalam aspek dalam aspek pengurusan pejabat, kurikulum, HEM dan kokurikulum.

c. Syarat Kursus

Peserta kursus adalah terdiri daripada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran untuk berkhidmat di sekolah bawah KPM, telah dilantik secara tetap dan telah disahkan dalam perkhidmatan dan memegang jawatan Pengetua dan Guru Besar (PGB), dan Penolong Kanan yang sedang berkhidmat dan mengajar di sekolah bawah KPM. Pemimpin ini mendapat markah antara 60% hingga 80% berdasarkan prestasi PBPPP menggunakan instrumen penilaian Pengajaran dan Pentadbiran (PTA).

7.22 KURSUS PENINGKATAN AMALAN INSTRUKSIONAL PEMIMPIN SEKOLAH (PAIPS)

a. Pengenalan

Kursus Peningkatan Amalan Instruksional Pemimpin Sekolah (PAIPS) merupakan salah satu daripada PPB yang ditawarkan kepada Pengetua, Guru Besar dan Penolong-Penolong Kanan berdasarkan prestasi dan kompetensi yang telah ditunjukkan oleh mereka dalam Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP). Kejayaan sesebuah sekolah bergantung kepada keberkesanan pemimpin sekolah. Pemimpin sekolah harus berupaya membina diri sebagai pemimpin instruksional dalam mengurus pelaksanaan dengan efektif. Mereka juga harus mampu membina dan membuat penambahbaikan ke arah mencapai matlamat yang ditetapkan. Di samping itu, pemimpin sekolah juga semestinya berupaya menterjemahkan misi dan visi sekolah dalam memastikan sekolah cemerlang dan prestasi tinggi. Oleh yang demikian, pelaksanaan program instruksional mesti diurus dengan berkesan.

b. Objektif

Modul ini dirancang bagi meningkatkan kompetensi peserta yang tidak mencapai skor yang baik dalam dimensi Kepimpinan Instruksional dengan merujuk kepada Instrumen Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP).

- i. Mengenal pasti elemen-elemen kritikal dalam kepimpinan instruksional dalam usaha meningkatkan pencapaian murid.
- ii. Membuat refleksi tentang amalan kepimpinan instruksional di sekolah masing-masing.
- iii. Menghasilkan pelan tindakan penambahbaikan amalan kepimpinan instruksional.

1. OUTCOME KURSUS

- i. Merancang, melaksana dan menyelia strategi untuk mencapai matlamat akademik sekolah.

- ii. Merancang, melaksana dan menilai proram/projek atau aktiviti untuk membangunkan pembelajaran dan pengajaran.
- iii. Berkongsi pengetahuan untuk meningkatkan prestasi mutu kerja.
- iv. Menyelia, memantau dan membimbing pelaksanaan program instruksional sekolah.
- v. Melaksana mempelbagai dan mengurus untuk mencapai objektif pembelajaran dan pengajaran.

c. Syarat Kursus

Peserta kursus adalah terdiri daripada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran untuk berkhidmat di sekolah bawah KPM, telah dilantik secara tetap dan telah disahkan dalam perkhidmatan dan memegang jawatan Pengetua dan Guru Besar (PGB), dan Penolong Kanan yang sedang berkhidmat dan mengajar di sekolah bawah KPM. Pemimpin ini mendapat markah antara 60% hingga 80% berdasarkan prestasi PBPPP menggunakan instrumen penilaian Pengajaran dan Pentadbiran (PTA).

8. KEMUDAHAN:

8.1 Institut Aminuddin Baki INDUK

Kemudahan	Bilangan	Kapasiti Kelas
Bilik Kuliah	15	30
Auditorium/Dewan	1	450
Bilik Seminar	1	100
Kafe/ Kantin	1	30
Asrama	299	450
Gimnasium	-	-

8.2 Institut Aminuddin Baki Cawangan Genting Highland

Kemudahan	Bilangan	Kapasiti Kelas
Bilik Kuliah	14	40/80 orang
Auditorium/Dewan	3	Auditorium 500 orang Dewan 300 orang Dewan Kuliah 400 orang
Bilik Seminar	2	Bilik Persidangan Antarabangsa 80 orang Bilik Gerakan 50 orang
Kafe/ Kantin		
Asrama	2	Eksekutif 80 bilik Induk 350 bilik
Gimnasium	2 (rosak)	

8.3 Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara

Kemudahan	Bilangan	Kapasiti Kelas
Bilik Kuliah	7	30/80 peserta
Auditorium / Dewan	1	250
Bilik Seminar	-	-
Kafe / Kantin	1	50
Asrama	1	200
Gimnasium	1	10

8.4 Institut Aminuddin Baki Cawangan SARAWAK

Kemudahan	Bilangan	Kapasiti Kelas
Bilik Kuliah	12	35 orang setiap bilik
Auditorium/Dewan	2	Dewan 300 orang Auditorium 84 orang
Bilik Seminar	-	
Kafe/ Kantin	1	30
Asrama	5 blok	Eksekutif 1 70 bilik Vip 5 bilik Eksekutif 2 280 bilik
Gimnasium	1	10

8.5 Institut Aminuddin Baki Cawangan SABAH

Kemudahan	Bilangan	Kapasiti Kelas
Bilik Kuliah	6	42
Auditorium/Dewan	1	100
Bilik Seminar	-	
Kafe/ Kantin	1	25
Asrama	-	
Gimnasium	-	

9. LAMPIRAN/ SURAT PEKELILING IKHTISAS



PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Office of Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8,
Level 8, Block E8,
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel : 03-8884 6077
Fax : 03-8889 4548
Laman web : <http://www.moe.gov.my>

Ruj. Kami : KP(PP)SULIT 0063/1/1
JILID 17 (25)
Tarikh : 17 Jun 2014
19 Sya'aban 1435H

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

Semua Ketua Jabatan/Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia

YBhg. Dato'/Tuan/ Puan,

PELAKSANAAN URUSAN PEMILIHAN DAN PENEMPATAN PENGETUA DAN GURU BESAR MENGGUNAKAN SYARAT BAHARU DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA MULAI 1 JULAI 2014

Sukacita saya menarik perhatian YBhg. Dato'/tuan/puan mengenai perkara di atas.

2. Sebagaimana pihak YBhg. Dato'/tuan/puan sedia maklum, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM Tahun 2013 – 2025) memberikan tumpuan kepada transformasi sistem pendidikan secara holistik. Di bawah anjakan kelima PPPM, Kementerian akan memastikan setiap sekolah tanpa mengira lokasi dan tahap prestasi mempunyai seorang Pengetua/ Guru Besar (PGB) yang berkualiti tinggi untuk memacu prestasi sekolah secara menyeluruh.

3. Mesyuarat LKPPP Bil. 6/2013 yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri KSN pada 08 Oktober 2013 telah meluluskan syarat baharu pemilihan PGB berasaskan kompetensi supaya dapat memperkukuhkan proses perancangan penggantian PGB. Bagi mendapatkan calon PGB yang kompeten, perubahan dalam syarat pemilihan PGB telah dilaksanakan iaitu dari kriteria berasaskan tempoh perkhidmatan kepada kriteria instruksional berasaskan kecekapan kepimpinan.

4. Mulai tahun 2014, proses baharu pemilihan PGB bermula dengan permohonan calon yang memenuhi syarat umum dan syarat khusus yang telah ditetapkan melalui Sistem Kenaikan Pangkat (ePangkat) dalam Modul

...2/-

Penggantian Pemimpin Sekolah (MPPS). Calon-calun ini akan melalui proses temuduga dan pentaksiran oleh Ketua Jabatan sebelum diperakukan. Untuk makluman YBhg. Dato'/tuan/puan, calon yang melalui prosedur pemilihan menggunakan syarat baharu ini akan mula ditempatkan mulai 1 Julai 2014.


5. Calon yang berjaya ditawarkan pemangkuan (bagi calon yang diluluskan oleh LKPPP) atau penempatan hakiki (bagi calon yang telah dinaikkan pangkat secara *Time-Based Berasaskan Kecemerlangan*) **WAJIB mengikuti Program Residency dan Immersion (PRime)** yang akan dikelola oleh Institut Aminuddin Baki (IAB) dengan jayanya. PRime merupakan satu program transisi bakal PGB dalam menyediakan dan memantapkan pelbagai kompetensi kepimpinan dan pengurusan. Bakal PGB akan menjalani program *Residency* selama satu bulan di sekolah di mana mereka akan dilantik sebagai PGB yang baharu untuk membiasakan diri dengan persekitaran sekolah sebelum menggantikan PGB sedia ada yang akan bersara/bertukar. Setelah mengambil alih sepenuhnya jawatan sebagai pemimpin sekolah yang baharu, mereka akan digandingkan dengan seorang *Principal Coach* (PC) bagi program *Immersion* selama 7 hari (42 jam) dalam tempoh 6 bulan pertama.

6. Sukacita saya menarik perhatian YBhg. Dato'/tuan/puan, bagi melancarkan pelaksanaan PRime ini di masa depan, cadangan penempatan oleh Mesyuarat Jawatan Kuasa Penempatan di peringkat Ketua Jabatan perlu dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) dan IAB selewat-lewatnya dua (2) bulan sebelum tarikh PRime bermula.

7. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Dato'/tuan/puan dipohon untuk melaksanakan urusan ini mengikut prosedur dan tatacara yang telah ditetapkan. Carta alir proses pemilihan dan penempatan Pengetua dan Guru Besar adalah seperti di Lampiran A dan Lampiran B.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATUK DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF)
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

Pegawai Rujuk

Bil	Perkara	Tindakan	NO TEL/EMEL
1	Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan NPQEL	Pn. Noraisah Md Yusof/PKOMP	06-7979237 noraisah@iab.edu.my
2	Latihan Kepada Pemimpin Pertengahan Sekolah LCML	Dr. Redzuan Jantan	06-7979380 redzuanj@iab.edu.my
3	PRIME/ IMMERSION	En. Shamsuri Jamil/ PKPOP	06-7979242 shamsurijamil@iab.edu.my
4	Program Pembangunan Prestasi Sekolah (Speed-Up)	En. Zulkifli Manaf/PKPOP	06-7979241 zulkeflim@iab.edu.my
5	Program Melonjakkan Kecemerlangan Sekolah Melalui Pembangunan Organisasi (Prod)	En. Zulkifli Manaf/PKPOP	06-7979241 zulkeflim@iab.edu.my
6	MASTER TRAINER	En. Ismail Ibrahim/PKP	06-7979224 ismailibrahim@iab.edu.my
7	Kursus Pembinaan Pemimpin Pendidikan (From Great To Excellent Educational Leaders Course (Greel)	Pn. Samsiah binti Si-Rajab/3P	06-7979346 samsiahsirajab@iab.edu
8	Kursus Intervensi Pelonjakan Kepimpinan Sekolah (Inpeks)	Ym Raja Ibrahim Bin Raja Midin/ Pppp)	06-7979200 ribrahim@iab.edu.my
9	Program Transformasi Sekolah 2025 (Ts 25)	En. Amran Omar/ PKPOP	06-7979200 amranomar@iab.edu.my
10	Kursus Pengurusan Kewangan dan Akaun Sekolah (PKAS)	Pn. Noraisah Md Yusof/PKOMP	06-7979237 noraisah@iab.edu.my
11	Kursus Kepimpinan STEM	Dr. Liew Yon Foi/PPTMK	06-7979200 yonfoi@iab.edu.my
12	Kursus Certified Coach	En. Amran Omar/ PKPOP	06-7979200 amranomar@iab.edu.my
13	Kursus Pemikiran Komputasional	En. Shahrin Alias/PPTMK	06-7979232 shahrin@iab.edu.my
14	Linus 2.0	Pn. Nor'Ainun Amir/3P	06-7979200 norainuna@iab.edu.my
15	Program Pengukuhan Nilai Perpaduan	En. Ashraf Abd Rahman	06-7979200 AshraFAR@iab.edu.my
16	Kursus Pengurusan Pembelajaran Maya (VLE- Frog)	En. Shahrin Alias/PPTM	06-7979232 shahrin@iab.edu.my 06-7979200 hamsiah@iab.edu.my
17	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat)	Pn. Suriani Sulaiman/3P	06-7979200 suriani@iab.edu.my
18	Kursus PSYNNOVA I-BMT (PEMIMPIN)	Pn. Hamsiah Binti Mohd Dahalan/3P	06-7979200 hamsiah@iab.edu.my
19	Kursus Pelonjakan Profesionalisme Pemimpin Sekolah (PELPROPS)	Pn. Hamsiah Binti Mohd Dahalan/3P	06-7979200 hamsiah@iab.edu.my
20	Kursus Pembangunan Kepimpinan Sekolah (Pkeps)	Pn. Hamsiah Binti Mohd Dahalan/3P	06-7979200 hamsiah@iab.edu.my

21	Kursus Pengurusan Sumber (KpeS)	Pn. Hamsiah Binti Mohd Dahalan/3P	06-7979200 hamsiah@iab.edu.my
22	Kursus Peningkatan Amalan Instruksional Pemimpin Sekolah (Paips)	Pn. Hamsiah Binti Mohd Dahalan/3P	06-7979200 hamsiah@iab.edu.my

Bil	Kemudahan/ Fasaliti di IAB	Tindakan	Catatan
1	IABI	Khairul anuar bin Abdul Rahman	khairulanuar@iab.edu.my 06-7979200
2	IABCGH	Muhammad Fazreen bin Azmuddin	fazreen@iab.edu.my 03-61056117
3	IABCU	Noor Shazatul Shazreen Shaari	shazreen@iab.edu.my
4	IABCSAR	Hamzani Zainudin	Hamzani_s@iab.edu.my
5	IABCSBH	Azry@Kader bin Wayudeh	Azry_s@iab.edu.my